

1. Apakah maksud lambang kebesaran?

- A Hak mutlak sultan
- B Simbol perpaduan rakyat
- C Identiti sesebuah kerajaan
- D Kekuasaan tertinggi raja

2. Apakah tanggungjawab malim yang terkandung dalam Undang-undang Laut Melaka ?

- A Memastikan pelayaran selamat
- B Membolehkan perdagangan maju
- C Melahirkan masyarakat sejahtera
- D Mewujudkan keluarga harmoni

3. Maklumat berikut merupakan pandangan tokoh berkaitan maksud nasionalisme.

Tokoh	Pandangan
Hans Kohn	Kesetiaan seseorang hanya kepada negara atau bangsanya.
Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid	Orang Melayu berpegang pada faham kebangsaan yang bersifat ke "Tanah Melayuan"

Menurut pandangan tersebut, nasionalisme dapat

- A Mempertahankan semangat kesukuan
- B Mengukuhkan kuasa ekonomi
- C Memperjuangkan hak individu
- D Membentuk negara bangsa

4. Pasangan manakah yang betul tentang perkembangan nasionalisme di Barat.

	Revolusi Keagungan (1688)	Revolusi Amerika (1776)
A	Menentang pemerintahan beraja	Menentang penjajahan kuasa asing
B	Membela nasib kaum imigran	Mengekalkan pemerintahan beraja
C	Mengembalikan kuasa bangsawan	Membela nasib penduduk tempatan
D	Menolak pengenalan sistem cukai	Menolak sistem pendidikan moden

5. Raden Adjeng Kartini telah menulis karya berikut

- Habis Gelap Terbitlah Terang
- *Letters of a Javanese Princess*

Apakah mesej yang ingin disampaikan melalui karya tersebut ?

- A Menekankan kerjasama antara kaum
 - B Mengatasi kelemahan sistem pentadbiran
 - C Memperjuangkan hak dalam pemerintahan
 - D Mendedahkan rakyat terhadap penindasan
6. Bagaimanakah tokoh agama membangkitkan kesedaran nasionalisme di negara kita sejak abad ke-20 ?
- A Melancarkan Sumpah Pemuda
 - B Memperkenalkan gerakan Islah
 - C Membentuk Gerakan Propaganda
 - D Mengemukakan Tiga Prinsip Rakyat
7. Sistem pendidikan telah membangkitkan kesedaran nasionalisme menentang penjajah. Mengapakah keadaan tersebut berlaku?
- A Kepelbagaian sistem persekolahan
 - B Kemunculan golongan cendekiawan
 - C Kebebasan gerakan berpersatuan
 - D Kewujudan kelas pertengahan
8. Apakah matlamat perjuangan Ibu Zain melalui majalah *Bulan Melayu* ?
- A Menekan kebebasan bersuara
 - B Meningkatkan taraf hidup
 - C Menyandang jawatan tinggi
 - D Mengangkat martabat wanita
9. Bagaimanakah Jerman melanggar syarat Perjanjian Versailles pada tahun 1919 ?
- A Menyatukan wilayah jajahan
 - B Memperoleh bantuan dari luar
 - C Memperkuatkan angkatan tentera
 - D Menjalinkan kerjasama antarabangsa

10. Mengapakah Jepun menjalankan imperialisme di rantau Asia Pasifik ?

- I Sekatan ekonomi pihak Bersekutu
- II Strategi penaklukan Wilayah Selatan
- III Kelemahan Perjanjian Versailles
- IV Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Apakah tujuan Jepun menggunakan slogan tersebut ?

“ Asia untuk orang Asia”

- A Menunjukkan kekuatan tentera
- B Menghormati rakyat tempatan
- C Meraih simpati penduduk
- D Menonjolkan imej negara

12. Berikut berkaitan usaha individu yang terlibat dalam gerakan anti-Jepun.

- Menyebarkan risalah dan propaganda
- Menggunakan nama samaran “Lion of Malaya”

Siapakah individu tersebut ?

- A Albert Kwok
- B Gurchan Singh
- C Tengku Noordin
- D Zakaria Gunn

13. Bagaimanakah British Military Administration (BMA) mengembalikan kestabilan di Tanah Melayu pada tahun 1945 ?

- A Mendapatkan sokongan raja
- B Mengukuhkan perpaduan kaum
- C Membubarkan pasukan komunis
- D Menyediakan kemudahan pendidikan

14. Berikut merupakan ciri Perlembagaan Malayan Union 1946.

Kewarganegaraan melalui prinsip *jus soli*

Apakah kesan terhadap orang Melayu sekiranya dilaksanakan ?

- A Hilang kedudukan istimewa
- B Ruang kerakyatan terhad
- C Peluang jawatan tinggi
- D Taraf hidup meningkat

15. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 membuka ruang kewarganegaraan kepada bukan Melayu.

Apakah manfaatnya kepada negara ?

- A Menyekat pengaruh asing
- B Mengiktiraf kedudukan raja
- C Mewujudkan kerjasama kaum
- D Mengurangkan bilangan peribumi

16. Apakah usaha kerajaan menangani ancaman komunis di negara kita ?

- A Mengadakan perintah berkurung
- B Membebaskan golongan radikal
- C Mewujudkan sebuah suruhanjaya
- D Mendapatkan bantuan antarabangsa

17. Berikut merupakan anggota dalam Sistem Ahli pada tahun 1951.

- Dato' Onn Jaafar
- E.E.C Thuraisingam
- Lee Tiang Keng

Apakah kepentingan keanggotaan tersebut ?

- A Menggubal perlembagaan negara
- B Memenuhi keperluan jawatan
- C Mengukuh kedudukan barat
- D Memupuk perpaduan kaum

18. Apakah perubahan sistem pentadbiran negara selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 diadakan?

- A Jawatan Perdana Menteri diwujudkan
- B Kuasa Pesuruhjaya dihapuskan
- C Jawatankuasa Kerja dibentuk
- D Sistem Ahli dimansuhkan

19. Gambar berikut berkaitan ketibaan rombongan Tunku Abdul Rahman di Padang Banda Hilir Melaka.



Mengapakah peristiwa tersebut penting ?

- A Kemenangan dalam pilihan raya
- B Pengisytiharan tarikh merdeka
- C Kongres Melayu dianjurkan
- D Pendudukan Jepun tamat

20. Apakah cabaran politik Kerajaan Persekutuan pada peringkat awal kemerdekaan ?


- A Menetapkan syarat kerakyatan
- B Menggantikan pegawai Eropah
- C Menentukan ketua kerajaan
- D Mendapat tentangan British

21. Konsep kedaulatan undang-undang merujuk kepada

- A raja memiliki kuasa tertinggi
- B pengiktirafan badan antarabangsa
- C rakyat terikat dengan perlembagaan
- D perkongsian kuasa badan pemerintah



22. Gambar berikut menunjukkan lawatan Tun Abdul Razak Hussein ke kawasan luar bandar.



Mengapakah lawatan tersebut penting ?

- A Memupuk perasaan muhibah rakyat
- B Mengukuhkan hubungan antara negara
- C Memantau dasar kemakmuran ekonomi
- D Mewujudkan pentadbiran yang berkesan

23. Apakah ciri moden Perlembagaan Malaysia berdasarkan maklumat berikut ?

- Kebebasan rakyat memilih pemimpin
- Suruhanjaya Pilihan Raya dibentuk

- A Sistem Kerajaan Persekutuan
- B Kewarganegaraan yang sama
- C Sistem Demokrasi Berparlimen
- D Kedudukan istimewa orang Melayu

24. Bagaimanakah Mahkamah Persekutuan berfungsi selepas pindaan perlembagaan 1963 ?

- A Menyelesaikan konflik Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
- B Membubarkan parlimen untuk mengadakan Pilihan Raya Persekutuan
- C Memansuhkan perkara berkaitan kepentingan Singapura
- D Memberikan kuasa autonomi tertentu kepada Sarawak

25. Bidang kuasa perundangan Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Persekutuan ialah

- A pemerintah angkatan tentera
- B melantik Ketua Hakim Negara
- C penasihat Kerajaan Persekutuan
- D membuat pengisytiharan darurat

26. Amalan Demokrasi Berparlimen mengutamakan kebebasan asasi individu. Bagaimanakah kerajaan memastikan tiada pihak menggunakan kebebasan ini secara mutlak ?

- A Menggubal Akta Kerajaan Tempatan
- B menguatkuasakan Akta Hasutan
- C Memperkenalkan Rukun Negara
- D Membentuk Majlis Gerakan Negara

27. Apakah yang dimaksudkan dengan persekutuan ?

- A Penyatuan beberapa buah negeri
- B Undang-undang tertinggi negara
- C Kebebasan menentukan pemimpin
- D Kewibawaan melaksanakan pemerintahan

28. Maklumat berikut berkaitan kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam pembangunan koridor wilayah.

- Rancangan Pembangunan Iskandar (2006)
- Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (2007)
- Pembangunan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (2008)

Kerjasama tersebut bertujuan

- A memastikan agihan kekayaan adil
- B membuka tanah rancangan baharu
- C memulihkan kawasan tanah terbiar
- D mewujudkan keseimbangan sosioekonomi

29. Mengapakah British mengemukakan idea penyatuan wilayah penguasaannya di Asia Tenggara ?

- A Menyaingi kuasa imperialis
- B Mengatasi masalah kewangan
- C Memudahkan urusan pentadbiran
- D Menyeimbangi komposisi penduduk

30. Mengapakah tokoh berikut menentang rancangan pembentukan Malaysia?

A.M Azhari

Pemimpin Parti Rakyat Brunei

- I Kehilangan sumber kekayaan
- II Kemerdekaan secara berasingan
- III Pandangan rakyat diperlukan
- IV Penjajah semakin berpengaruh

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31. Apakah usaha kerajaan bagi mengatasi isu kebergantungan terhadap pengeluaran getah dan bijih timah?

- A Mendapatkan bantuan pinjaman
- B Meluaskan peluang pekerjaan
- C Membuka wilayah baru
- D Mencari pasaran baru

32. Perkara yang diputuskan dalam pengisytiharan perintah darurat oleh Yang di-Pertuan Agong pada 16 Mei 1969 ialah


- I menggantung perlembagaan
- II mewujudkan pusat perlindungan
- III menggeledah rumah kediaman
- IV mengharamkan parti komunis

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


33. Apakah matlamat konsep integrasi nasional?

- A Meningkatkan sosioekonomi
- B Membentuk satu bangsa
- C Melahirkan rakyat demokratik
- D Mencipta masyarakat yang adil

34. Apakah usaha kerajaan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu?
- A Penganjuran MASUM
 - B Penubuhan ASWARA
 - C Penubuhan UKM
 - D Penganjuran Citrawarna Malaysia
35. Mengapakah kerajaan melancarkan Rancangan Buku Hijau melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB)?
- A Menyediakan kemudahan infrastruktur
 - B Memastikan bekalan makanan mencukupi
 - C Mewujudkan kawasan perindustrian baru
 - D Membuka peluang perniagaan kecil
36. Gambar berikut menunjukkan pemodenan pengangkutan awam hasil pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).



Lebuhraya Pantai Timur 2



Keretapi Tanah Melayu

Apakah kesan pencapaian tersebut?

- A Merancakkan aktiviti ekonomi
- B Mengimbangi pemilikan harta
- C Menggiatkan pembukaan tanah
- D Meningkatkan keselamatan sempadan

37. Maklumat berikut berkaitan dengan pengamalan Dasar Luar Negara.

- Memberikan keutamaan kepada kepentingan negara
- Menjaga kedaulatan mahupun dasar yang menguntungkan negara

Apakah faktor yang mempengaruhi dasar luar tersebut?

- A Pendirian pertubuhan serantau
- B Taraf hidup meningkat
- C Keperluan nasional
- D Desakan bekas penjajah

38. Apakah matlamat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)?

- A Mengekalkan keamanan dunia
- B Mengamalkan dasar probarat
- C Menekankan sikap berkecuali
- D Meningkatkan perdagangan serantau

39. Maklumat berikut berkaitan cabaran politik serantau.

Perluasan pengaruh komunis di Indochina

Apakah kesan tersebut terhadap Asia Tenggara.

- A Peluasan pengaruh ideologi
- B Pertambahan tenaga buruh
- C Ketidakstabilan negara
- D Diskriminasi warna kulit

40. Mengapakah Malaysia menjadi lokasi sindiket pemerdagangan orang?

- A Kedudukan negara strategik
- B Sekatan imigresen longgar
- C Tumpuan ramai pelancong
- D Kepentingan perdagangan

Kertas soalan tamat